



SKIM PERKHIDMATAN : **PENOLONG JURUTERA**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**
TARAF JAWATAN : **MALAYSIA SHORT-TERM EMPLOYMENT
PROGRAMME (MySTEP)**
KEMENTERIAN / JABATAN : **PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN**
KADAR UPAH : **RM 1,900.00**

SYARAT LANTIKAN WAJIB

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
3. Kepujian Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM/SKM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT LANTIKAN

KELAYAKAN LANTIKAN:

Kelayakan Masuk : DIPLOMA / SIJIL / STPM / STAM

- Bidang/Kelayakan Khusus :
- i) Sijil Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - ii) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

DAN

Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan projek-projek bangunan Kerajaan, jalan raya serta kerja-kerja penyelenggaraan, sekaligus merancang strategi pelaksanaan operasi, penjadualan dan membahagi kerja serta membimbing kakitangan mengenai tugas-tugas yang perlu dilaksanakan berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan dan membantu tugas-tugas menderaf plan, lukisan teknikal dan plan 'lay-out'.